



LAWAT KAUNTER ... Dr. Harun (tengah berkot hitam) melawat kaunter-kaunter bertemu pelanggan.

NST 13.11.2014 11

UMS wujud Tabung Amanah Biasiswa untuk mahasiswa



AMANAT ... Dr. Harun berucap merasmikan Minggu Bertemu Pelanggan.



SUMBANGAN ... Dr. Harun turut memasukkan sumbangan peribadi untuk Tabung Amanah Mahasiswa selepas mengumumkan pewujudan tabung tersebut sambil disaksikan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj Mohd. Said (tiga dari kanan).

dan Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan UMS pada 11 November 2014.

Ujar beliau, tabung tersebut akan diuruskan oleh Seksyen Endowment UMS.

Menyentuh mengenai program Minggu Hari Bertemu Pelanggan itu, Dr. Harun menyatakan sokongan terhadap program yang disifatkannya amat bermanfaat.

“Tanpa rasa prejudis dan malu, nyatakanlah segala pandangan, aduan, cadangan kepada pihak pengangjur iaitu Jabatan Bendahari, Perpustakaan dan JPP supaya yang salah dapat dibetulkan, yang kurang ditambah dan yang kompleks dipermudahkan.

“Saya juga yakin kepelbagaian aktiviti sepanjang minggu ini boleh memberikan manfaat yang sangat banyak kepada kita semua dari segi ilmu pengetahuan, hubungan baik, jalinan kerjasama dan banyak lagi,” tambah beliau lagi.

Program tersebut yang berlangsung lima hari sehingga Jumaat turut menyediakan gerai pameran yang disertai pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah mengumumkan pewujudan Tabung Amanah Biasiswa untuk kemudahan siswa-siswa universiti itu.

Menurut beliau, tabung tersebut akan memberi bantuan biasiswa kepada mahasiswa UMS melalui sumbangan yang bakal diberikan oleh warga Universiti EkoPelancongan itu.

“Untuk ini, saya menyeru dan mempelawa agar warga UMS tampil ke hadapan memberi sumbangan ke atas tabung amanah biasiswa ini yang bakal memberi faedah kepada anak bangsa kita,” katanya pada majlis perasmian Minggu Bertemu Pelanggan Jabatan Bendahari, Perpustakaan